

24/02/1997

BN Kelantan kemuka senarai DUN

KOTA BHARU, Ahad - Barisan Nasional (BN) Kelantan sudah mengemukakan senarai kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dikenal pasti berpotensi untuk dimenangi dalam pilihan raya umum akan datang.

Pengerusinya, Datuk Annuar Musa, berkata kawasan terbabit akan dijadikan sasaran untuk meraih kemenangan dalam menghadapi saingan Pas dan menawan semula negeri itu.

Menurutnya, BN tidak mungkin dapat menumpukan perhatian sepenuhnya di semua 43 DUN di Kelantan, terutama kawasan yang menjadi kubu kuat Pas menjelang pilihan raya nanti.

"Oleh sebab itu, kita (Umno dan BN) mahu memberi fokus kepada kawasan sasaran yang dikenal pasti.

"Senarainya sudah diserahkan kepada Presiden parti untuk mendapatkan persetujuan.

"Kita tidak mungkin dapat menumpukan semua 43 DUN di negeri ini kerana ada kawasan yang BN rasa agak ketinggalan jauh (kubu kuat Pas)," katanya kepada pemberita, di sini hari ini.

BN kini mempunyai 18 kerusi di DUN berbanding 25 Pas.

Annuar yang juga Timbalan Pengerusi Umno negeri, sebelum ini berkata, BN berpeluang merampas semula Kelantan daripada Pas pada pilihan raya umum akan datang jika mampu menawan sekurang-sekurangnya separuh daripada 43 kawasan DUN.

Menurutnya, Umno dan BN Kelantan akan memberi tumpuan khusus dari sekarang dengan menjalankan gerakan memperkukuh kedudukan parti di kawasan terbabit.

Annuar juga yakin penyusunan semula barisan Umno Kelantan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri serta pembentukan beberapa portfolio baru disertai bekas pemimpin Parti Melayu Semangat 46 (S46) di peringkat negeri akan membawa perubahan besar kepada Umno dan BN.

(END)